



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

29 MEI 2021

MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 69,702 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 3,575 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 15,887 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 617 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 579 individu dikompaun manakala 38 lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tidak memakai pelitup muka (118)
- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan di premis (112)
- Tiada penjarakan fizikal (111)
- Gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (77)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (66)
- Aktiviti pusat hiburan (11)
- Lain-lain (122)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 32 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas 12 buah kenderaan darat.

Dalam operasi itu juga, sebanyak 162 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui lapan (8) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 603 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 549 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Sanitasi Awam

Semalam, sebanyak 170 operasi sanitasi dilakukan meliputi 76 zon merah, zon jingga (3) dan zon kuning (3) dan zon hijau (1) di seluruh negara.

Operasi sanitasi ini melibatkan 1,011 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 198 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 195 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 25,252 operasi sanitasi merangkumi 156 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 792 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 213,025 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 78 hotel dan 11 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 8,052 individu telah dikuarantin dan 202,774 orang dibenarkan pulang manakala 2,199 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 661 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barang terdiri daripada peruncit (480), pemborong (151) dan pengilang (30).

KPDNHEP juga telah melakukan 2,293 pemeriksaan khas dan mendapati semua premis mematuhi SOP.

PKPD 3 kawasan perumahan, Mukim Juasgeh , Kuala Pilah, Negeri Sembilan

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan dilaksanakan di tiga (3) kawasan perumahan, Mukim Juasgeh , Kuala Pilah, Negeri Sembilan berikutan peningkatan kes COVID-19 dalam tempoh singkat.

Ketiga-tiga kawasan perumahan tersebut ialah:

- Taman Desa Permai
- Rumah Rakyat Juasgeh
- Taman Sri Juasgeh

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan sebanyak 51 kes positif COVID-19 telah direkodkan iaitu 21 kes di Taman Desa Permai, Rumah Rakyat Juasgeh (17 kes) dan Taman Sri Juasgeh (13 kes).

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan memutuskan PKPD di tiga (3) kawasan perumahan, Mukim Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan seperti dinyatakan akan dilaksanakan bermula 31 Mei sehingga 13 Jun 2021.

Ini membolehkan KKM mengenalpasti, mengasingkan serta melakukan ujian saringan ke atas kontak rapat sekali gus mengelak penularan jangkitan ke luar kawasan.

PKPD Felda Sahabat 40 (Kampung Kembara Sakti), Mukim Tungku, Lahad Datu, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini kes COVID-19 di Felda Sahabat 40 (Kampung Kembara Sakti), Mukim Tungku, Lahad Datu, Sabah.

Sehingga kini, sebanyak 10 kes telah direkodkan oleh KKM setelah menjalani ujian saringan ke atas 28 penduduk di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di Felda Sahabat 40 (Kampung Kembara Sakti), Mukim Tungku, Lahad Datu, Sabah berkuat kuasa 31 Mei sehingga 13 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko ke luar lokaliti tersebut.

PKPD 3 rumah panjang di Ulu Sungai Sebakong, Mukah, Sarawak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan perkembangan semasa kes COVID-19 di tiga (3) panjang, Ulu Sungai Sebakong, Mukah, Sarawak iaitu:

- Rumah Panjang Rimong anak Kilat
- Rumah Panjang Asin anak Aji
- Rumah Panjang Bija anak Unggang

Berlaku peningkatan kes iaitu sebanyak 35 kes positif telah direkodkan hasil daripada 93 ujian saringan dilakukan oleh KKM.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di tiga (3) rumah panjang seperti dinyatakan berkuat kuasa 31 Mei sehingga 13 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD memudahkan KKM menjalani ujian saringan serta pembendungan wabak secepat mungkin.

PKPD Kampung Padawan, Papar, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini kes COVID-19 di Kampung Padawan, Papar, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 238 ujian saringan dan sembilan (9) daripadanya didapati positif COVID-19.

KKM mengesahkan berlaku peningkatan ketara kes dalam tempoh seminggu dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di Kampung Padawan, Papar, Sabah berkuat kuasa 31 Mei sehingga 13 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko ke luar lokaliti tersebut.

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Penamatan PKPD Seri Kemunting, Kuantan, Pahang

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Seri Kemunting, Kuantan, Pahang yang dijadualkan tamat pada, 30 Mei 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 392 ujian saringan dan 40 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mengesahkan berlaku penurunan kes manakala semua kes positif telah diasingkan dan menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Seri Kemunting, Kuantan, Pahang pada 30 Mei 2021, seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Paya Teh, Jerantut, Pahang

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Paya Teh, Jerantut, Pahang yang dijadualkan tamat pada, 30 Mei 2021.

Sebanyak 270 ujian saringan telah dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan 140 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mengesahkan kes telah menurun manakala semua kes positif diasingkan dan menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Paya Teh, Jerantut, Pahang pada 30 Mei 2021, seperti yang dijadualkan.

Pelanjutan PKPD Kampung Sungai Langgas, Kunak, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sungai Langgas, Kunak, Sabah yang dijadualkan tamat pada, 30 Mei 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 336 ujian saringan dan 53 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mendapati kes masih lagi menular di lokaliti tersebut serta terdapat juga sampel ujian saringan sedang menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Sungai Langgas, Kunak, Sabah bermula 31 Mei sehingga 13 Jun 2021.

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**